



BANK OF SINGAPORE LIMITED

(Diperbadankan di Singapura. Nombor Pendaftaran: 197700866R)

LAPORAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

PENTING

Maklumat kewangan yang terbentang di bawah ini merupakan petikan daripada penyata kewangan Bank of Singapore (Bank) yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2024 (penyata kewangan). Ia tidak mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memberi pemahaman lengkap tentang keputusan dan kedudukan kewangan Bank. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada set penyata kewangan teraudit yang lengkap, Ini boleh didapati atas permintaan di pejabat berdaftar bank di 63 Chulia Street, #10-00 OCBC Centre East, Singapura 049514

Penyata Pengarah

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

Pengarah

Para pengarah Bank yang memegang jawatan pada tarikh penyata ini adalah seperti berikut:

Andrew Lee Kok Keng, Chairman (dilantik pada 1 Januari 2024)

Lai Teck Poh

Jason Moo Yi Sin

Na Wu Beng

Tee Fong Seng (dilantik pada 1 Januari 2025)

Helen Wong Pik Kuen

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Para Anggota Bank of Singapore Limited

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat Kami

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan bagi Bank of Singapore Limited ("Bank") telah dibentangkan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1967 ("Akta") dan Piawaian Pelaporan Kewangan di Singapura ("FRSs") untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama kedudukan kewangan Bank pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan, perubahan ekuiti serta aliran tunai Bank bagi tahun Kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Apa yang telah kami audit

Penyata-penyata kewangan Bank terdiri daripada:

- penyata-penyata pendapatan komprehensif Bank bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2024;
- kunci kira-kira Bank bagi tahun berakhir 31 Disember 2024;
- penyata-penyata perubahan dalam ekuiti Bank bagi tahun kewangan yang berakhir;
- penyata-penyata aliran tunai bagi tahun yang berakhir; dan
- nota-nota bagi penyata-penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan yang penting.

Asas pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan Piawaian Mengaudit Singapura ("SSAs"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah diterangkan lebih lanjut dalam bahagian 'Tanggungjawab Juruaudit Bagi Mengaudit Penyata-Penyata Kewangan' laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberikan asas pendapat kami.

Kebebasan

Kami adalah bebas daripada Bank selaras dengan keperluan Kod Tingkah Laku Profesional dan Etika untuk Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan ("Kod ACRA") oleh Penguasa Pengawasan Perakaunan dan Korporat ("ACRA") bersama dengan keperluan etika yang berkaitan dengan pengauditan penyata-penyata kewangan di Singapura, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain selaras dengan keperluan ini dan Kod ACRA.

Maklumat lain

Pihak pengurusan bertanggungjawab atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Penyata Pengarah dan Maklumat Tambahan MAS Notice 608 termasuk pada muka surat 94 namun tidak termasuk penyata-penyata kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami tentang penyata-penyata kewangan tersebut tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak dan tidak akan memberikan sebarang bentuk jaminan muktamad mengenainya.

Berhubung dengan audit kami ke atas penyata-penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain yang dikenal pasti di atas dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu tidak konsisten secara ketara dengan penyata-penyata kewangan atau pengetahuan kami yang diperolehi semasa audit atau memaparkan salah nyata material. Jika, berdasarkan pada tugas yang kami lakukan ke atas maklumat lain yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material daripada maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan mengenai perkara ini.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Pengarah bagi Penyata Kewangan

Pihak pengurusan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata-penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama menurut peruntukan Akta dan FRSs dan bagi menghasilkan dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa aset-aset telah dilindungi daripada kerugian akibat penggunaan atau pelupusan tanpa kebenaran; dan urus niaga telah mendapat kebenaran dan ini direkodkan sebagai satu keperluan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama dan untuk mengekalkan kebertanggungjawaban aset.

Dalam menyediakan penyata kewangan ini, pihak pengurusan bertanggungjawab bagi menilai keupayaan Bank untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, jika berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan itu, melainkan pihak pengurusan bercadang membubarkan Bank atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab pengarah termasuk menyelia proses pelaporan kewangan Bank.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata-Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang sama ada penyata-penyata kewangan secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang meliputi pendapat kami. Jaminan yang munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan selaras dengan SSA akan sentiasa dapat mengesan salah nyata material jika ianya wujud. Salah nyata boleh terbit daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau secara agregat, boleh secara munasabah dijangka dapat mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang dibuat berdasarkan penyata-penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang selaras dengan SSA, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata material bagi penyata-penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan menjalankan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat kami. Risiko untuk tidak dapat mengesan salah nyata material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang diakibatkan oleh kesilapan, oleh sebab penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyata atau menghapuskan kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan kepada audit untuk merancang prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan tentang kesesuaian pihak pengurusan menggunakan dasar perakaunan usaha berterusan dan berdasarkan pada bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian yang material wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin meninggalkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Bank untuk terus menjadi usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang material wujud, kami perlu memberi perhatian dalam laporan juruaudit kami berkenaan dengan pendedahan yang berkaitan dalam penyata-penyata kewangan, atau jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami harus mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Namun begitu, peristiwa atau keadaan masa depan mungkin menyebabkan Bank untuk berhenti sebagai usaha berterusan.
- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata-penyata kewangan, termasuk pendedahan dan sama ada penyata-penyata kewangan mewakili urusan niaga dan peristiwa tersirat dengan cara yang mencapai pembentangan yang saksama.
- Merancang dan bekerja dalam kumpulan bagi mendapatkan bukti audit yang bersesuaian secukupnya mengenai maklumat kewangan ke atas entiti atau aktiviti perniagaan Bank sebagai asas untuk memberikan pendapat mengenai penyata-penyata kewangan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan semakan ke atas kerja-kerja audit yang dijalankan bagi tujuan audit kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendapat audit kami.

Kami menyampaikan kepada para pengarah mengenai, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan hasil audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit kami.

Laporan Mengenai Keperluan Undang-Undang dan Kawal Selia Yang Lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Bank telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

PricewaterhouseCoopers LLP

Akauntan Awam dan Akauntan Bertauliah
Singapore, 14 Februari 2025

Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

	2024 US\$ juta	2023 US\$ juta
Pendapatan faedah	1,775	1,763
Perbelanjaan faedah	(1,254)	(1,187)
Pendapatan faedah bersih	521	576
Yuran-yuran dan komisen-komisen bersih	325	283
Pendapatan dagangan bersih	219	201
Pendapatan lain	4	4
Pendapatan bukan faedah	548	488
Jumlah pendapatan sebelum perbelanjaan operasi	1,069	1,064
Kos kakitangan	(449)	(442)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(39)	(30)
Perbelanjaan operasi lain	(183)	(175)
Jumlah perbelanjaan operasi	(671)	(647)
Keuntungan operasi sebelum peruntukan dan pelunasan	398	417
Pelunasan aset-aset tidak ketara	(6)	(6)
Rosot nilai syarikat subsidiari	(8)	–
Peruntukan kerugian (caj)/dikira semula	(6)	3
Keuntungan sebelum cukai pendapatan	378	414
Perbelanjaan cukai pendapatan	(53)	(57)
Keuntungan bagi tahun	325	357
Pendapatan komprehensif lain:		
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kepada untung rugi:		
Keuntungan bersih dari pelaburan hutang di FVOCI, cukai bersih	(#)	4
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kepada untung rugi:		
Pengukuran semula pelan manfaat yang ditentukan	(#)	(#)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	325	361

mewakili jumlah kurang daripada US\$0.5 juta

Kunci Kira-Kira

Pada 31 Disember 2024

	2024 US\$ juta	2023 US\$ juta
Aset		
Tunai dan baki di bank-bank pusat	143	138
Baki dan penempatan dengan dan pinjaman kepada bank-bank	302	203
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan bukan bank	13,294	14,590
Jumlah terhutang daripada syarikat induk	24,185	20,291
Jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan	4	11
Instrumen-instrumen kewangan derivatif	657	568
Pelaburan-pelaburan lain	656	656
Aset-aset lain	1,083	1,141
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	19	27
Hartanah, loji dan peralatan	153	153
Aset-aset tidak ketara	11	17
Nilai muhibbah	168	168
Jumlah aset	40,675	37,963
Liabiliti-liabiliti		
Deposit pelanggan bukan bank	31,626	32,650
Deposit dan baki dengan bank	13	28
Jumlah terhutang kepada syarikat induk	4,637	877
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	30	33
Instrumen-instrumen kewangan derivatif	650	690
Liabiliti-liabiliti lain	1,370	1,423
Cukai semasa belum bayar	45	54
Liabiliti cukai tertunda ,bersih	6	6
Jumlah liabiliti	38,377	35,761
Ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Bank		
Modal saham	996	996
Instrumen ekuiti lain	200	200
Rizab lain	8	8
Pendapatan tertahan	1,094	998
Jumlah ekuiti	2,298	2,202
Jumlah ekuiti dan liabiliti	40,675	37,963

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

MAS Notis 608 Maklumat Tambahan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

Modal

Objektif utama pengurusan modal Bank adalah untuk memastikan Bank mematuhi keperluan modal yang dikenakan secara luaran dan bahawa Bank mengekalkan nisbah modal yang sihat untuk menyokong perniagaannya dan untuk memaksimumkan nilai pemegang saham. Aktiviti tersebut dilaksanakan berdasarkan dasar, garis panduan dan prosedur yang telah ditetapkan.

Kecukupan modal Bank dipantau menggunakan peraturan dan nisbah yang ditetapkan oleh Monetary Authority of Singapore ("MAS") dalam menyelia Bank.

Bank telah mematuhi keperluan minimum 8% dan 10% untuk Nisbah Kecukupan Modal Tahap 1 ("CAR") dan jumlah CAR yang masing-masing diperlukan oleh Notis MAS 637 pada 2024 dan 2023.

	2024 US\$ juta	2023 US\$ juta
Modal tahap 1		
Saham biasa	996	996
Sekuriti modal berterusan	200	200
Rizab yang didedahkan	1,095	1,006
	2,291	2,202
Tahap 1 modal layak	1,976	1,949
Tahap 2 modal	1	1
Jumlah modal layak	1,977	1,950
Aset berwajaran risiko	10,571	9,867
Tahap 1 CAR	18.7%	19.8%
Jumlah CAR	18.7%	19.8%